

Link: [Hanya 15 peratus rakyat Malaysia ada pelan pewarisan harta | Berita Harian](#)

Berita Harian Online
15 September 2025

Hanya 15 peratus rakyat Malaysia ada pelan pewarisan harta

Mohd Zaky Zainuddin
September 15, 2025 @ 3:29pm



KUALA LUMPUR: Di sebalik kesedaran tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia terhadap kepentingan mengelakkan konflik keluarga berkaitan harta, hanya 15 peratus yang mempunyai pelan pewarisan untuk masa depan.

Statistik mengejutkan itu diperolehi daripada kaji selidik *Insure or Unsure Insurance Literacy Survey 2025* oleh Sun Life Malaysia yang membabitkan lebih 1,000 responden.

Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia Takaful, Azam Yusof, berkata trend itu membuktikan perancangan pewarisan belum menjadi keutamaan, walaupun ramai mengakui ia penting.

"Ramai sedar, tapi sedikit yang bertindak. Kita mesti ubah persepsi bahawa perancangan harta pusaka itu untuk orang kaya. Jika anda ada keluarga, anda sudah ada waris yang perlu dijaga," katanya kepada BH.

Kajian menunjukkan bahawa 65 peratus rakyat Malaysia mengakui pentingnya perancangan pewarisan, namun majoriti masih terhalang oleh pelbagai faktor, termasuk kekangan kewangan (41 peratus), tidak tahu bagaimana untuk bermula (39 peratus) dan keutamaan kepada komitmen kewangan lain (35 peratus).

Azam berkata, isu sebenar bukan mengenai duit, tetapi mengenai diam, di mana dalam banyak keluarga, perbincangan mengenai kematian dan harta dianggap 'taboo'.

"Namun ironinya, diam itu yang akhirnya mencetuskan konflik. Pentingnya komunikasi jujur dalam keluarga dan mengambil langkah awal untuk merancang secara jelas dan beretika," katanya.

Beliau menjelaskan, pelan pewarisan tidak semestinya kompleks atau mahal dengan Sun Life Malaysia menawarkan pelan takaful mesra rakyat seperti Sun eSsential-i, dengan bayaran serendah RM6 sebulan dan perlindungan sehingga RM500,000.

"Ini adalah bukti bahawa pelan pewarisan boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat. Ia bukan lagi pilihan, ia satu keperluan asas untuk memastikan kesejahteraan keluarga berterusan selepas kita tiada," katanya.

Dalam konteks perancangan Islam, hibah takaful menjadi antara pilihan utama kerana ia tidak tertakluk kepada agihan faraid.

Ini membolehkan pemilik polisi menetapkan penerima manfaat secara khusus, tanpa perlu melalui proses pentadbiran harta yang memakan masa.

Antara kelebihan hibah takaful termasuk penyelesaian hutang si mati, agihan adil kepada keluarga yang hanya mempunyai anak perempuan, dan penyediaan dana segera kepada waris sebelum pusaka rasmi diagihkan.

"Ramai fikir wasiat cukup. Namun hakikatnya, wasiat hanyalah permulaan. Pelan pewarisan perlu meliputi semua aspek, daripada penjagaan anak hingga pengurusan hutang," katanya.

Beliau juga menggesa rakyat Malaysia untuk mendapatkan nasihat daripada perancang kewangan profesional.

Kaji selidik *Insure or Unsure Insurance Literacy Survey 2025* turut mendedahkan 54 peratus responden memilih untuk mendapatkan khidmat profesional dalam merancang legasi mereka, mencerminkan keperluan untuk bimbingan yang lebih menyeluruh dan holistik.